

# GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERMIT KERJA SECARA ONLINE (ePTW)

---

## 1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan, pemahaman dan rujukan kepada setiap PTJ atau kontraktor yang dilantik bagi membuat permohonan ePTW bagi kerja berisiko di dalam kawasan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

## 2.0 SKOP

Garis panduan ini digunakan bagi permohonan permit kerja untuk setiap kerja yang berisiko tinggi yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor. Kerja berisiko tinggi seperti kerja di tempat tinggi, kerja menggunakan kren, kerja panas (melibatkan suhu tinggi dan mudah terbakar) serta kerja elektrik untuk setiap bangunan, kawasan atau PTj di Universiti.

## 3.0 PENGECUALIAN

Kerja-kerja pembinaan di dalam kawasan universiti yang melantik penyelia keselamatan tapak bina atau *Site Safety Supervisor (3S)* yang berdaftar dengan Jabatan Keselamatan & Kesihatan, Pekerjaan (JKKP), Malaysia.

## 4.0 RUJUKAN

- 4.1 Seksyen 15(2) (a), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- 4.2 Seksyen 10(d), Akta Kilang & Jentera 1967.

## 5.0 DEFINISI / SINGKATAN

Universiti	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
PTj	Pusat Tanggungjawab.
SLO	<i>Safety Liaison Officer</i> . Pegawai yang dilantik oleh pihak PTj untuk menyelaraskan perkara yang berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di PTj.
Kontraktor	Merujuk kepada kontraktor yang dilantik oleh pihak Universiti untuk melaksanakan kerja-kerja di dalam kawasan Universiti.
ePTW	<i>Permit to Work</i> secara dalam talian ( <i>on-line</i> ).

PTW	<i>Permit to Work</i> . Permit bekerja atau kelulusan bertulis yang dikeluarkan oleh Pejabat OSHE kepada pihak kontraktor sebelum melakukan sebarang kerja yang berisiko tinggi di dalam kawasan Universiti.
Pejabat OSHE	Pejabat Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
Penyelia Projek	Staf PTJ yang bertanggungjawab mengurus dan menyelia kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor.
Penyelia Kontraktor	Orang yang dilantik oleh pihak kontraktor bagi memantau, menyelia dan mengurus kerja-kerja yang dijalankan.
KKP	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
NOI	Notis Perbaikan ( <i>Notice of Improvement</i> )
NOP	Notis Larangan ( <i>Notice of Prohibition</i> )

## 6.0 KEPENTINGAN PTW

- 6.1 Salah satu sistem kerja selamat bagi mengenal pasti hazard dan pemantauan aktiviti kerja yang dilakukan oleh majikan untuk mencegah daripada berlaku kemalangan besar atau mengurangkan akibatnya kepada orang lain.
- 6.2 Memberi maklumat, latihan dan menjelaskan peralatan keselamatan yang diperlukan bagi memastikan keselamatan pemohon dan pekerja sewaktu bekerja.
- 6.3 Memenuhi keperluan perundangan:
  - 6.3.1 Seksyen 15(2) (a), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. “pengadaan dan penyelenggaraan logi dan system kerja yang, setakat yang praktik, selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan”.
  - 6.3.2 Seksyen 10(d), Akta Kilang & Jentera 1967. “apa-apa cara setakat yang munasabahnya dapat dilaksanakan hendaklah diberikan, diselenggarakan dan digunakan untuk memastikan akses selamat ke dalam mana-mana tempat di mana, mana-mana orang patut pada bila-bila masa bekerja”.

## 7.0 PERMOHONAN PTW

- 7.1 Pihak kontraktor yang ingin melaksanakan kerja berisiko tinggi di dalam kawasan Universiti hendaklah membuat permohonan permit kerja menggunakan sistem online “ePTW” melalui laman sesawang Pejabat OSHE (<http://oshe.uthm.edu.my>).

- 7.2 Pekerja yang terlibat perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan serta kompetensi berdasarkan kepada kerja berisiko tinggi yang hendak dilaksanakan.
- 7.3 SLO PTJ hendaklah memastikan pihak kontraktor yang terlibat dengan kerja berisiko (iaitu lantikan di bawah perolehan secara terus oleh PTJ) telah membuat permohonan ePTW sebelum memulakan kerja.
- 7.4 Penyelia Projek hendaklah memastikan pihak kontraktor yang terlibat dengan kerja berisiko telah membuat permohonan ePTW sebelum memulakan kerja.
- 7.5 Permohonan ePTW secara online hendaklah dibuat 3 hari sebelum kerja dijalankan.
- 7.6 Pihak kontraktor hendaklah mengisi maklumat kerja dan memuat naik dokumen yang diperlukan untuk kerja-kerja berisiko tinggi mengikut kepada jenis risiko yang terdedah.
- 7.7 Pejabat OSHE akan memaklumkan kepada Penyelia kontraktor untuk temujanji taklimat keselamatan dan pemeriksaan di tapak berdasarkan tarikh permohonan.
- 7.8 Pihak OSHE akan mengeluarkan NOI atau NOP terhadap ketidakpatuhan peraturan melibatkan KKP yang dilakukan oleh pihak kontraktor ketika menjalankan kerja.
- 7.9 Arahan berhenti kerja (*Stop of Work*) hendaklah dipatuhi secara automatik apabila NOP dikeluarkan berdasarkan keadaan atau tindakan tidak selamat yang boleh mendatangkan kemalangan serta merta.
- 7.10 Carta alir bagi sistem ePTW adalah sebagaimana **Lampiran 1**.

## 8.0 JENIS-JENIS PTW BAGI KERJA BERISIKO

- 8.1 PTW Kerja Tempat Tinggi (Kerja yang melebihi 10 kaki (3 meter) dari aras permukaan tanah atau lantai).
- 8.2 PTW Kerja Kren Bergerak
- 8.3 PTW Kerja Panas Kerja-kerja yang menggunakan api, nyalaan atau kerja-kerja yang melibatkan penggunaan haba melalui peralatan. Contohnya kerja-kerja pemotongan (*cutting*), kimpalan (*welding*) dan pematerian (*soldering/brazing*) yang melibatkan penggunaan gas mudah alih atau peralatan kimpalan arka.
- 8.4 PTW Kerja Elektrik *High Voltage / High Current*

Lampiran 1

Carta Alir Permohonan ePTW



